

500 keluarga Tionghua terima sumbangan

NILAI kebersamaan dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di Kuala Lumpur akan menyemarakkan lagi keunikan masyarakat majmuk yang menyerlahkan imej Malaysia sebagai negara kaya dengan warisan seni dan budaya di persada antarabangsa, kata Pengarah Eksekutif (Sosioekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Ismadi Sakirin**.

Katanya, semua pihak mampu mengekalkan keharmonian agama dan sosial yang sedia ada kerana mempunyai rasa hormat yang mendalam terhadap rakan-rakan yang tidak seagama dan sebangsa.

"Usaha menyemai perpaduan ini diperkukuhkan dengan sikap sederhana yang kita amalkan dalam pelbagai aspek kehidupan dan tidak dinafikan rakyat Malaysia hari ini turut mempunyai perbezaan pendapat dan pandangan, namun itu tidak bermakna kita tidak mampu mencapai kesepakatan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan

Tahun Baharu Cina 2025 bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Batu, P. Prabakaran dan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Zulkifli Muhammad.

Menurut Ismadi, dalam usaha untuk menjaga kebajikan warga kota, DBKL mendukung seruan kerajaan dengan mengambil inisiatif bagi membantu warga kota, terutama kepada golongan yang memerlukan.

"Antara pendekatan yang diambil ialah pemberian sumbangan pada setiap perayaan dan seramai 500 keluarga dari masyarakat kaum Cina telah dipilih untuk menerima sumbangan melalui data eKasih iaitu yang tinggal dan menetap di sekitar Kuala Lumpur.

"Penerima sumbangan menerima wang tunai ber serta *goodies* sebagai tanda ingatan untuk meringankan beban dan memberi sinar perayaan bersama keluarga," katanya. 